

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN

BILANGAN 1 TAHUN 2020


**CADANGAN BAGI PENGECUALIAN SYARAT DI BAWAH SEKSYEN 64(1)
ENAKMEN MINERAL 2001 BAGI PERMOHONAN PAJAKAN MELOMBONG DAN
LESEN MELOMBONG TUAN PUNYA**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-2/2020 yang bersidang pada 15 Januari 2020 melalui Kertas Bil. 2/2020/D7(173) telah membuat keputusan sebagaimana berikut:-

- i. Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Kelantan (JMG) hendaklah memproses Surat Kebenaran Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) apabila Pajakan Melombong atau Lesen Melombong Tuan Punya dikeluarkan oleh Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan.
- ii. Serentak dengan itu, pemegang tenemen hendaklah mengemukakan permohonan bagi mendapatkan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS).
- iii. Bagi Pajakan Melombong atau Lesen Melombong Tuan Punya yang didaftarkan sebelum 28 Ogos 2015, sebarang permohonan pembaharuan selepas tarikh tersebut juga adalah tertakluk kepada kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (jika dikehendaki oleh Jabatan Alam Sekitar) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2015.
- iv. Pemegang tenemen hendaklah sentiasa memastikan keperluan dan arahan-arahan daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan dan Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan dipatuhi dari semasa ke semasa.

2. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa dengan serta-merta dan dengan ini Pekeliling PTG Bilangan 16 Tahun 2019 dibatalkan.

3. Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan pemakaian pekeling ini.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL *D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

YABhg. Dato'/Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABhg. Dato' Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
9. YBr. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN

NO. FAIL : PTG.KN.4/2/163
BERTARIKH : 4 JAMADIL AKHIR 1441H
29 JANUARI 2020